Gen Z kreatif hidupkan semangat sambut raya

- Gen Z juga lebih kreatif menghidupkan semangat raya melalui kandungan digital seperti tutorial memasak juadah tradisional, berkongsi kisah nostalgia dalam bentuk video dan kempen kebajikan

- Penghayatan, kesedaran mengenai nilai dan kenikmatan meraikan hari kemenangan perlu seiring. Gen Z perlu lebih proaktif sekurang-kurangnya untuk tahu mengenai warisan budaya beraya tradisional

Penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Hani Salwah Yaakup
bhrencana@bh.com.my

Kemeriahan meraikan Aidilfitri semakin berbeza mengikut perubahan waktu dan zaman. Sebelum era digital, hari raya disambut begitu meriah dengan kepulangan perantau ke kampung, membeli juadah untuk raya, persiapan pakaian dan paling penting, menghias rumah.

Antara keunikan sambutan pada zaman pradigital sebagai contoh, rumah dihias dengan kad ucapan raya, ditampal pada dinding, pokok hiasan dan dijadikan ketupat hiasan.

Zaman berubah dan kad raya hari ini tidak lagi menjadi memori indah setiap kali hari raya. Hal ini memberi kesan bagaimana Generasi Z (Gen Z) menanggapi sambutan hari raya.

Ditambah lagi dengan perkembangan era digital terutama kemunculan peranti elektronik khasnya telefon pintar yang penuh dengan aplikasi bersosial.

Bagi Gen Z, cara menyimpan dan mengenang memori hari raya sudah berubah seiring dengan perkembangan digital. Jika sebelum ini, album foto dijadikan arkib keluarga menyimpan segala kenangan hari raya.

Setiap foto dirakam akan diproses, dicetak kemudian disusun dalam album foto keluarga, dijadikan hiasan dan tatapan tetamu setiap kali bertandang ke rumah.

Namun hari ini, Gen Z lebih cenderung berkongsi pengalaman mereka dalam Instagram Stories, TikTok dan vlog YouTube. Platform media sosial bukan sahaja menjadi ruang penceritaan visual tetapi, juga alat pembentukan identiti.

Gen Z mendokumentasikan sambutan hari raya melalui *filter* menarik video dan trend digital, menjadikan perayaan lebih interaktif dan bersifat global.

Budaya ini dikatakan lebih interaktif, menyediakan arkib kenangan lebih kekal lama dan boleh diulang tonton berkali-kali.

Namun, benarkah kandungan dihasilkan itu sebagai memori budaya atau sekadar menyediakan kandungan semata-mata untuk pengikut mereka di media sosial.

Kesan daripada hal ini tidak memberikan sentuhan emosi menerusi kandungan dihasilkan dan jauh lebih parah, kandungan itu tidak menjadi memori budaya Gen Z terhadap sambutan hari raya.

Akibat kebanjiran kandungan media sosial, penghayatan terhadap konsep dan manfaat ucapan hari raya tidak begitu berbekas di sanubari.

Dahulu, kad ucapan hari raya menjadi tali pengikat silaturahim dalam kalangan keluarga, saudara mara, sahabat dan kenalan. Menerusi kad raya, segala kemaafan, perasaan, kesyukuran dikongsi dan disalurkan kepada yang berkenaan.

Malangnya, ucapan hari raya kini hanya tinggal ucapan seperti tidak membawa sebarang makna sama ada daripada pemberi mahupun penerima.

Tambahan pula apabila ucapan dihantar menerusi SMS atau kini platform popular melalui WhatsApp, Instagram atau kad digital dengan GIF dan emoji.

Lebih mengharukan apabila ucapan dipendekkan sehingga sukar difahami maksudnya, selain merosakkan penggunaan bahasa yang betul.

Sebagai contoh, 'SHRMZB' membawa makna "Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin' atau 'Mat Ri Ye' bermaksud 'Selamat Hari Raya'.

Perubahan budaya pada hari raya dalam kalangan Gen Z kini juga dapat dilihat menerusi pemberian duit raya. Nostalgia menerima duit raya dalam sampul pelbagai warna dan corak digantikan menerusi pemberian e-duit raya.

Teknologi bentuk sikap dan gaya hidup Gen Z

Ramai ibu bapa memilih memberi e-duit raya melalui aplikasi seperti e-wallet atau perbankan dalam talian. Walaupun lebih mudah, ia seperti menghilangkan keterujaan dan nilai istimewa hari raya. Tiada lagi timbulnya kesan kemesraan hubungan di antara penerima dan pemberi.

Perubahan teknologi bukan sekadar mempengaruhi cara menyambut hari raya, tetapi membentuk sikap dan gaya hidup Gen Z.

Kehadiran media sosial menjadikan perayaan menjadi lebih terbuka dan global, tetapi pada masa sama, ia boleh mengubah nilai sosial.

Contohnya, budaya *post first, enjoy later* semakin ketara, yang mana ramai lebih fokus mengambil gambar makanan, video pakaian atau *outfit of the day* (OOTD) sebelum menikmati suasana raya.

Selain itu, tumpuan kepada memburu sebanyak-banyaknya *likes* dan *views* kadangkala mengalihkan perhatian daripada menikmati detik bermakna bersama keluarga.

Namun, raya zaman ini tidak semuanya negatif. Gen Z juga lebih kreatif menghidupkan semangat raya melalui kandungan digital seperti tutorial memasak juadah tradisional, berkongsi kisah nostalgia dalam bentuk video dan kempen kebajikan yang lebih mudah disebarkan melalui media sosial.

Teknologi bukan sahaja mengubah cara orang kita menyambut raya, malah memberi kesan terhadap bagaimana kita mengenang dan mewariskan sesuatu tradisi.

Bagi Gen Z, nostalgia raya datang daripada video throwback di TikTok, *filter* khas di Instagram dan trend lagu raya viral. Malah, lagu raya klasik yang pernah dimainkan di radio, kini kembali popular di Spotify dan TikTok melalui persembahan tarian dan remix moden.

Ini membuktikan teknologi boleh menghubungkan tradisi lama dengan cara baharu lebih relevan bagi Gen Z.

Cuma, kepelbagaian kandungan di media sosial menjadi cabaran menerapkan tradisi dan memori budaya beraya dalam kalangan Gen Z.

Di sini, keseimbangan dalam penggunaan teknologi dan sosialisasi dengan masyarakat penting. Tradisi hari raya bukan semata-mata berbaju indah dibeli di media sosial, mahupun membuat kandungan menari dan menyanyi lagu raya serta mengikut arus tertentu.

Penghayatan, kesedaran mengenai nilai dan kenikmatan meraikan hari kemenangan perlu seiring. Gen Z perlu lebih proaktif sekurang-kurangnya untuk tahu mengenai warisan budaya beraya tradisional.

Selain itu, Gen Z juga perlu menimbangkan semula kemampuan trend video TikTok menggantikan kenangan berbual panjang bersama keluarga.

Pada akhirnya, warisan tradisi beraya bukan hanya mengejar jumlah *likes* atau *views* di media sosial, tetapi pengalaman dikongsi bersama orang tersayang, sama ada dalam bentuk vlog moden atau gambar polaroid.

Yang paling penting ialah bagaimana kita dapat terus mengekalkan nilai dan makna perayaan ini untuk generasi masa depan.